

BAB II

PERSPEKTIF TEORI PEMBANDARAN

2.0. Pengenalan

Penyelidikan tentang pembandaran khasnya di kawasan negara-negara yang baru mengatur keadaan ekonominya seperti di Indonesia sangatlah penting. Hal ini dikeranakan bandar merupakan tempat utama bagi guna tenaga baik yang mahir, setengah mahir dan tidak mahir datang ke bandar. Ramainya orang-orang yang datang ke bandar jika semak dengan sebenarnya berkait rapat dengan penghijrahan. Mereka berusaha untuk hidup dengan ragam cara beserta upaya yang dilakukannya.

Pembandaran ialah proses semakin terpusatnya petempatan dan kumpulan orang-orang yang ada di bandar. Semenjak Wirth⁴⁷ menulis bahawa pembandaran diberi makna iaitu: *cara hidup yang khas di bandar*, maka yang berkenaan dengan saiz penduduk, kesesakan dan pelbagai bilangan kaum boleh dijadikan sebagai indikator penyelidikan pembandaran. Seterusnya disebutkan bahawa pembandaran boleh dijadikan hal asas untuk menyelidiki perubahan-perubahan yang tengah berlangsung dalam masyarakat.

⁴⁷ L. Wirth dalam edisi Shogo Koyano (editor) 1996. *Pengkajian Tentang Urbanisasi di Asia Tenggara*, Yogyakarta, Gadjah Mada University Press, p.3-8. Mengulas pelbagai penyelidikan Urbanisasi di Dua Negara iaitu: Thailand dan Indonesia. Urbanisasi di kedua negara ini dihubungkan dengan industrialisasi khasnya perubahan dari sektor pertanian kepada industrialisasi

Evers dan Korff⁴⁸ menganalisis bahawa di negara-negara Asia Tenggara khususnya Indonesia dan Thailand, bandar-bandar utama telah berubah. Perubahan ini khususnya disebabkan oleh polisi yang merujuk kepada globalisasi (ekonomi antara bangsa). Aktiviti ini disokong oleh perubahan-perubahan sosial politik yang berhubung kait kepada perubahan demokrasi.

Penyelidikan tentang pembandaran dilakukan oleh pakar khususnya di bandar dan bandar raya yang terus tumbuh. Di Indonesia pembandaran boleh dikatakan merujuk kepada *ibukota negara* dan *pusat-pusat regional*. Mencermati hal ini polisi yang diberlakukan masih sangat beragam kerana masa-masa sebelum perubahan Sistem Politik di Indonesia, semua polisi dipegang oleh kerajaan pusat. Pihak Berkuasa Tempatan boleh dikata tidak memiliki kekuasaan (*Authority*) untuk mengatur bandar-bandar secara ketat.

Makna lain daripada pembandaran yang terus berlangsung ialah adanya aktiviti beserta kehidupan komuniti bandar. Ciri khas bandar-bandar yang ada ialah berkembangnya sektor tidak formal. Penjaja berkeliling, tukang ojek, teksi gelap, pengumpul barangan bekas dan aktiviti-aktiviti lainnya tampak semakin wujud. Ekorannya ialah kawasan-kawasan tertentu di bandar semakin lama semakin berkembang. Perkembangan seperti inilah yang terus berlangsung dan wujud tidak sahaja di pusat-pusat bandar tetapi juga merangkumi di luar kawasan bandar. Makna seperti inilah yang semestinya disimak melalui penyelidikan yang khas dan

⁴⁸ Evers and Korff, 2002. *Urbanisme di Asia Tenggara*, Jakarta, Yayasan Obor. P.2-4. Menjelaskan bahawa pembandaran jika dilihat daripada ke-ruang-an, maka Bandar-bandar utama (*primat-cities*) berubah menjadi *metropolis* yang memiliki keberkaitan dan keberhubungan sama besarnya dengan negara itu sendiri

mengharuskan membentangkan pelbagai pandangan, konsepsi serta teoritikal tentang pembandaran.

2.1. Pengertian dan Batasan

Ada beberapa makna dan pengertian yang mesti dijelaskan terlebih dahulu agar di dalam penyelidikan ini terhindar daripada kesalah-fahaman sama ada dalam pemakaian kata maupun tafsiran. Erti serta pemahaman konsep pembandaran (*urbanization*) semestinya dijelaskan beserta hubungannya dengan beberapa konsep yang lain.

Mula sekali penggunaan kata *urb* dipakai oleh Wirth⁴⁹ yang menjelaskan tentang corak kehidupan bandar seperti yang telah diuraikan di atas. Makna ini ekornya melahirkan *urbanisme* iaitu cara hidup yang khas di bandar dengan merangkumi indikator daripada saiz penduduk, kadar kesesakan (*density*), serta kaum (*etnik*) yang ber-aneka (*heterogeneous*). Semenjak itu pula ramai pengkaji pembandaran mula memakainya seperti: Philip M. Houser⁵⁰ menghuraikan bahawa:

"...the definition of urban is, nevertheless, a complex matter. Population classified as urban varies greatly country by country. The delineation of areas as urban or rural is often related to administrative, political, historical or cultural considerations as well as demographic criteria".

United Nation⁵¹ menerangkan bahawa definisi *urban* merangkumi tiga perkara utama iaitu:

⁴⁹ Wirth, loc-cit

⁵⁰ Hauser, Philip, et.al., 1985, Loc-cit, p.9.

⁵¹ United Nation, dalam edisi Houser, 1985. Ibid

"1) Classification of minor civil divisions on chosen criterion which may include: (a) type of local government, (b) number of inhabitants, (c) proportion of population engaged in agriculture; 2) classification of administrative centers of minor rural division as rural; and 3) classification of certain size localities (agglomerations) as urban, irrespective of administrative boundaries".

Negara Amerika Syarikat mendefinisikan *urban* mengikut keperluan yang beraneka, khasnya definisi yang dibuat sebelum banci pada tahun 1950. Urban adalah suatu tempat atau kawasan yang ditempati oleh seramai 25,000 orang atau lebih. Tetapi kerana bilangan penduduk yang terus meningkat dengan cepat khasnya pada akhir dekad 1950-1960 kesesakan (density) kawasan menjadi ukuran utama untuk merujuk kepada *urban* ataupun *non urban*.

Merujuk kepada *Encyclopedia of Sociology*⁵², menghuraikan:

"Urbanization is the process of expansion in the entire system of interrelationships by which a population maintains itself in its habitat". And the most evident consequences of the process, and the most common measures of it, are an increase in the number of people at points of population concentration, an increase in the number of people at points of population concentration, an increase in the number of points at which population is concentrated, or both".

Di Indonesia Milone⁵³ menjelaskan bahawa yang dimaksud dengan perbandaran (*urban*) semasa pemerintah kolonial Belanda ialah:

"...utamanya dihubungkan dengan adanya konsentrasi orang Eropa dan aktiviti, dalam memberikan status administratif sebagai bandaraya umumnya pada fungsi administratif pemerintah pusat (pentadbiran) dan pada kebolehan daripada daerah yang bersangkutan untuk mengurus perkara kewangan, sarana dan urusannya sendiri".

⁵² Edgar, F. Borgatta and Marie L. Borgatta (eds), 1992. *Encyclopedia of Sociology*, Volume IV, Macmillan Library Reference USA, Simon & Schuster Macmillan Newyork, USA

⁵³ P.D. Milone, *Urban Areas in Indonesia: Administrative and Census Concepts*, Institute of Advanced Studies, University of California, Berkeley, 1966: 34. Pindaan daripada Milone ini berlaku manakala Indonesia membuat kajian untuk pengembangan Bandar-bandar Utama di Indonesia, sehingga lahir apa yang dipanggil dengan NUDS iaitu: *National Urban Development Strategies*, berlaku sebagai consultant membangun serta mengemas Bandar-bandar raya Indonesia.

Makna daripada yang diberikan sebenarnya adalah: "*perbandaran meliputi semua bandar dan pusat pemerintahan (pentadbiran) seperti: Provinsi, Kabupaten dan Kotamadya (Undang-undang sebelumnya iaitu nombor 5 Tahun 1974, sekarang digantikan dengan Undang-undang nombor 22 Tahun 1999 iaitu Kota) beserta yang paling bawah iaitu Kecamatan*". Masuknya sempadan daripada suatu kawasan juga dirangkumi oleh beberapa pakar pembandaran. Kawasan lain yang disamakan sebagai kawasan bandar ialah pusat-pusat pentadbiran yang lebih rendah dengan bilangan penduduk seramai lebih daripada 20,000 orang (bandar kecil) dan majoriti daripada penduduknya dengan aktiviti dibidang non-pertanian.

Perihal kriteria bandar serta kawasan bandar boleh beraneka dan sangat tergantung daripada sesuatu negara. Nas⁵⁴ menghuraikan bahawa bilangan daripada saiz penduduk bandar antara lain merangkumi besaran: berpenduduk antara 20,000 sehingga kepada 50,000 orang dikatakan bandar kecil (Town), 50,000 sehingga 100,000 orang disebut bandar (City) dan bilangan penduduk lebih daripada 100,000 orang dikatakan sebagai bandar raya (Metropolis).

Pembandaran dimaknakan sebagai proses perbandaran yang terkait dengan penghijrahan yang berimpak kepada pemusatan penduduk secara nyata. Dalam kaitan ini hijrahnya penduduk mengalami banyak hal, utamanya adanya pelbagai perubahan samaada perubahan dalam bidang ekonomi, sosial maupun kehidupan dalam masyarakat. Konsentrasi yang ditujukan kepada bilangan penduduk bandar adalah kenaikan peratus bilangan penduduk yang dihitung dari semua bilangan penduduk

⁵⁴ Nas. PJM, 1984. *Kota di Dunia Ketiga. Pengantar Sosiologi Perkotaan*, jilid 1 dan 2. Jakarta, Bhartara Karya Aksara Press, pp (1) 3-12, (2) 9-16

bandar. Oleh itu, kenaikan daripada peratus penduduk bandar boleh dimaknakan dengan *pembandaran*.

Didalam pengkajian tentang taburan penduduk dari sudut pandang Geografi, penduduk ditetapkan kedalam kumpulan mengikut kawasan iaitu kawasan bandar (*urban*) dan kawasan luar bandar (*rural*). Dalam hal ini sempadan daripada kawasan urban tetap, maknanya bilangan penduduk bandar berubah melalui kelahiran, kematian dan penghijrahan. Oleh itu, didapati pemakaian kata *tingkat urbanisasi* dan *urbanisasi*. *Tingkat urbanisasi* dimaknakan peratus daripada bilangan petempatan penduduk di perbandaran pada masa tertentu. Sedangkan *Urbanisasi* dimaknakan naiknya bilangan peratus penduduk yang bermukim di bandar⁵⁵.

2.2. Persepektif Urbanisasi

Eldridge⁵⁶ mengatakan bahawa urbanisasi ialah suatu proses pemusatan penduduk di kawasan bandar. Sejak itu pemakaian kata *urban* telah dipakai oleh semua pengkaji pembandaran. Hauser⁵⁷ menjelaskan bahawa pembandaran sebagai suatu proses yang boleh dijelaskan seperti yang dibentangkan oleh Eldridge dengan merangkumi dua perkara iaitu: a) *peningkatan proses konsentrasi* b) *Peningkatan Saiz konsentrasi individual*. Ini menghasilkan peratus petempatan penduduk di bandar meningkat.

⁵⁵ Secha Alatas, 1988. *Urbanisasi, Pertumbuhan Kota-kota Besar dan Sekitar Permasalahannya*. Majalah Demografi Indonesia (Indonesian Journal Demography), nombor 30, Tahun ke XV Desember, pp VI 83-101. Jakarta, Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia

⁵⁶ Hope Testile Eldridge, 1956. *The Processes of Urbanization*. Dalam J.J. Spengler and O.D.Duncan (eds). *Demographics Analysis*. Glencoe, Free Press,

⁵⁷ Philip, M.Hauser, Loc-cit.

Konsep urbanisasi (pembandaran) mempunyai definisi yang berbeza dan berkait rapat dengan keadaan negara itu sendiri. Namun Hauser⁵⁸ menjelaskan bahawa: “... dengan urbanisasi untuk keperluan negara dari segi statistik dikatakan sebagai proporsi penduduk yang tinggal di kawasan perbandaran”. Oleh itu, konsep urbanisasi boleh diertikan dengan adanya peratus petempatan penduduk di kawasan bandar dan besaran daripada bilangan penduduk tersebut semakin bertambah.

Bandar berfungsi sebagai pusat (*centre*) aktiviti baik dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan budaya dari suatu komuniti. Aktiviti ini tidak sahaja dilakukan oleh komuniti bandar itu sendiri tetapi juga oleh komuniti ataupun kawasan pedalaman itu (*hinterland*). Oleh itu didapati adanya sistem kawasan pembandaran iaitu adanya struktur dan fungsi dari bandar-bandar yang ada dalam suatu negara yang mempengaruhi keadaan persekitarannya.

Suatu bandar yang benar-benar berfungsi selamanya memberikan manfaat kepada komuniti dan diantara komuniti di kawasannya, dan akan memberikan kejayaan kepada pembangunan kawasan dan tempatan. Oleh itu, bandar akan membangun kerana saling bergantung dengan bandar yang lain di kawasan sekitarnya.

Definisi pembandaran boleh sahaja berubah dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, bilangan penduduk pada hakikatnya boleh berubah melalui kelahiran, kematian, penghijrahan dan perluasan kawasan bandar itu sendiri (*re-classification*). Misalan ini boleh dimaklumi seperti sebuah kawasan luar bandar yang berkembang menjadi kawasan perbandaran atau telah ditetapkan menjadi kawasan bandar⁵⁹. Perbezaan dalam hal memberi definisi tentang bandar, para sarjana lebih merujuk kepada saiz penduduk

⁵⁸ Philip, M. Hauser, *ibid*

⁵⁹ Secha Alatas, 1988, *Loc-cit*

yang tinggal di bandar. Pembandaran boleh dikatakan sebagai proses perkembangan dan corak kehidupan dalam bandar. Oleh itu, mengikut Rahimah Abdul Aziz dan Mohd. Yusoff Ismail⁶⁰ bahawa bandar wujud sebagai hasil proses pembandaran. Proses ini dikira sebagai satu perubahan sosial yang penting dalam masyarakat yang menunjukkan sebahagian penduduknya mengalami satu kehidupan yang berbeza daripada satu bahagian dengan bahagian yang lain.

Perbandaran (*urban*) dalam suatu negara (daerah) meliputi seluruh bandar-bandar (*individual cities*) yang ada dan merangkumi seluruh unit-unit sekawasan yang telah ditetapkan sebagai wilayah pembandaran. Di Indonesia definisi pembandaran seperti yang dipakai oleh Milone⁶¹, BPS⁶², Merten dan Alatas⁶³, Sigit dan Sutanto⁶⁴ merujuk kepada adanya kemudahan awam yang telah ditentukan. Kemudahan tersebut merangkumi bilangan antara 8 sehingga 14 jenis iaitu:

“... adanya sekolah, jalan yang di aspal, bekalan elektrik, air bersih, pusat pelayanan kasihatan (samaada yang ditaja oleh pihak kerajaan maupun oleh pihak swasta), klinik bersalin, kantor pos, bank, pasar tertutup, kawasan kedai (pertokoan), penginapan (rumah tumpangan) atau hotel, telekomunikasi, persewaan alat-alat untuk resepsi (majlis), pertunjukan wayang dan adanya pengangkutan am”.

Biro Pusat Statistik Indonesia⁶⁵ merangkumi dengan menambah persyaratan tersebut dengan kriteria kesesakan penduduk yang tinggi dan majoriti daripada aktiviti penduduknya dibidang pertanian tidak melebihi daripada bilangan 25 peratus.

⁶⁰ Rahimah Abdul Aziz dan Mohd Yusoff Ismail, 2002. *Masyarakat Budaya dan Perubahan*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp. 38-67

⁶¹ Milone, 1977, Loc-cit

⁶² Biro Pusat Statistik Indonesia, 1997. *Migrasi dan Urbanisasi Indonesia*, Jakarta, BPS

⁶³ Syed Hussein Alatas, 1988. *Mitos Pribumi Malas*. Jakarta. LP3ES, p.29

⁶⁴ Sigit dan Astrid Soesanto, 1983. *Sosiologi Pembangunan*, Jakarta, Binacipta, p.132

⁶⁵ Biro Pusat Statistik Indonesia, 1996. *Penduduk Riau Hasil Survei Penduduk Antar Sensus tahun 1995*, Jakarta. Biro Pusat Statistik Indonesia, p. xix

Ramai pakar mengatakan bahawa bertambahnya bilangan penduduk yang tinggal di bandar-bandar Dunia Ketiga masih berterusan. Todaro dan Stilkind⁶⁶ menyatakan bahawa: pada tahun 1950 didapati 11 bandar dari 15 bandar terbesar di dunia baru ada di negara industri. Pada tahun 2000 dijangka hanya tiga bandar besar sahaja yang ada di negara industri, selebihnya bandar raya itu berada di kawasan negara-negara Dunia Ketiga. Bandar di Dunia Ketiga berkembang dengan cepat sangat, berjuta-juta penduduk pindah ke bandar. Sementara itu, bandar sudah tidak boleh lagi menerima penghijrah kerana kemudahan kemasyarakatan seperti: pendidikan, kesihatan, perumahan, bekalan elektrik, pengangkutan dan air bersih sudah melampaui kemampuan. Begitu juga dengan persoalan kekurangan peluang pekerjaan bagi guna tenaga di bandar untuk pendatang ataupun penduduk tempatan.

Pembandaran adalah satu fenomena yang berterusan dan dialami oleh semua negara di dunia. Hamzah Sendut⁶⁷ seperti yang dikutip oleh Rahimah Abdul Aziz menyatakan bahawa: “...*proses pembandaran sebagai satu fenomena sosioekonomi yang merangkumi dua unsur penting. Unsur pertama: ialah kemudahan-kemudahan awam ditumpukan atau dipusatkan di sesebuah kawasan tertentu. Unsur kedua: ialah dikawasan tersebut terdapatnya jumlah penduduk yang melebihi 10,000 orang.* Merujuk kepada pemikiran tersebut, kajian pembandaran setiap pengkaji harus meneliti dan memeriksa beberapa persoalan iaitu: pertama konsep pembandaran masih memerlukan telaah yang berterusan terutamanya dalam hal menganalisa perkembangan bandar dalam hubungannya dengan kadar pertambahan penduduk. Kedua: di Indonesia terdapat perbezaan pengertian sama ada aspek fizikal maupun fungsional. Perbezaan itu didapati

⁶⁶ M.P. Todaro & J. Stilkind, 1985, Loc-cit, p.5

⁶⁷ Hamzah Sendut dalam edisi Rahimah Abdul Aziz dan Mohd. Yusoff Ismail, 2002. Loc-cit

ketika pelaksanaan Banci tahun 1980 dan juga Banci tahun 1990. Ketiga: kadar pertambahan penduduk di kawasan bandar ternyata jauh lebih cepat, khasnya di Indonesia dan kawasan Asia. Pertambahan ini berkait rapat dengan perkembangan bilangan penduduk dan kemudahan awam. Kemudahan utama yang ada di bandar-bandar dan difahami bahawa dari hasil kajian yang ada merujuk kepada persoalan yang beraneka dan boleh dikatakan belum dirasakan manfaatnya oleh lebih daripada setengah bilangan penduduk yang bermukim di kawasan bandar.

Tekanan terhadap kawasan bandar, telah dan dijangka meningkat secara berterusan menurut *masa* dan *ruang*, terlebih lagi kepada masa hadapan. Proses pembandaran yang kian pesat akan menyebabkan pengurusan pelbagai perkara menumbuhkan soalan dan menjadi sangat kompleks sehingga memerlukan rancangan yang holistik. Hal ini dibentang oleh Nilon⁶⁸, Schwab⁶⁹, Mountford and Pessio⁷⁰. Dengan lain kata kes ini ada di negara-negara Dunia Ketiga di mana industrinya tumbuh dan berkembang dengan pesat. Lebih khas lagi pembandaran yang berkait rapat dengan pesatnya penghijrahan penduduk ke bandar⁷¹, sama pula halnya seperti yang dikatakan oleh Bennet⁷² dan UNEP⁷³.

Pada tahun 1900, hanya 9 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan bandar. Bilangan penduduk bandar bertambah menjadi 40 peratus pada tahun 1980, 50 peratus

⁶⁸ Nilon C H, Berkowitz A R and Hollweg K S. 1999. *Understanding Urban Ecosystems: A new frontier for science and educations. Urban Ecosystems* 3, 3-4.

⁶⁹ Schwab J C. 2000. Using Planning to enhance the Urban Environment. *Industries and Environment* 23 (1-2), 22-25.

⁷⁰ Mountford D and Pessio C. *Achieving Sustainable Urban Development: from brownfields to environmental management. Industri and Environment* 23 (1-2). Halaman 18-21.

⁷¹ Population Action International. 2000. *Why Population Matters to Natural Resources*. Fact Sheet 13. 1-2

⁷² Bennet A J. 2000. *Environmental consequences of increasing production: some current perspectives. Agriculture, Ecosystems and Environment*. Halaman 82, 89-95.

⁷³ UNEP, 2000. *Urbanization: meeting environmental challenges. Industry and Environment* 23 (1-2), 3.

pada tahun 2000 dan dijangka akan mencapai bilangan 66 peratus pada tahun 2025⁷⁴. Sebanyak 23 dari 25 bandar raya terbesar di dunia, akan tinggal di Afrika, Asia dan Amerika Latin⁷⁵. Perkembangan ekonomi di kawasan bandar yang meningkat utamanya di kawasan Asia dijangka mendekati 5 bilion orang [61 peratus] dari 8.1 bilion populasi penduduk Dunia akan tinggal di kawasan bandar Asia dan Afrika pada tahun 2030. Kadar pembandaran di Asia dijangka akan mencapai bilangan 4 peratus per tahun⁷⁶. Pada tahun 2025, seramai 52 peratus penduduk Asia akan tinggal di kawasan bandar. Keadaan tersebut akan menimbulkan impak yang sangat besar terhadap kawasan bandar.

Di Indonesia sejak tahun 1980 hingga ke tahun 1990⁷⁷ bilangan penduduk yang tinggal di bandar meningkat seramai 12.6 juta orang dan terus bertambah dengan perkiraan 9 peratus. Pertambahan ini jika ditarik purata selama tahun itu tumbuh dengan kadar 5.36 peratus setiap tahun. NUDS⁷⁸ juga berpendapat bahawa pertumbuhan penduduk utamanya di luar pulau Jawa adalah lebih besar jika dibandingkan dengan yang didapati di pulau Jawa.

⁷⁴ McIntyre, N E, Knowles-Yáñez K, and Hope D. 2000. *Urban Ecology as an interdisciplinary field: differences in the use of "urban" between the social and natural sciences*. **Urban Ecosystems** 4, 5-24.


⁷⁵ Sukopp H. 1998. *Urban Ecology-Scientific and Practical Aspects*. In Breuste J, Felmann H and Uhlmann O (Eds.). **Urban Ecology**. Germany. Springer-Verlaag, Germany, pp. 3-16.

⁷⁶ UNEP, 2000, Ibid

⁷⁷ Badan Pusat Statistik Indonesia, 2001, *Analisis Perkembangan Ekonomi Indonesia*, Jakarta, BPS

⁷⁸ National Urban Development Strategy Project (NUDS), 1995, United Nation Centre for Human Settlements and Ministry of Public Works: Jakarta. ialah consultant yang dipakai oleh Indonesia untuk membina Bandar-bandar raya yang ada di Indonesia.

Rajah 2.1
Penduduk bandar-bandar di dunia bilangan 10 juta keatas tahun 2000



Di Riau pada tahun 1980⁷⁹ bilangan penduduk yang tinggal di kawasan perbandaran adalah 27.12 peratus dari semua penduduk yang ada. Bilangan ini meningkat menjadi 31.67 peratus pada tahun 1990⁸⁰, dan seterusnya menjadi 34.36 peratus pada tahun 1995⁸¹ dan menurut Banci tahun 2000⁸² telah mencapai 42 peratus. Dalam masa lima tahun terdapat perubahan saiz penduduk bandar. Pada tahun 1980,

⁷⁹ Biro Pusat Statistik Indonesia, 1982. *Penduduk Riau Hasil Sensus Penduduk Tahun 1980*. Jakarta Seri S.2. BPS.

⁸⁰ Biro Pusat Statistik Indonesia, 1992. *Penduduk Riau Hasil Sensus Penduduk Tahun 1990*. Jakarta. Seri S.2.04, BPS.

⁸¹ Biro Pusat Statistik Indonesia, 1996. *Penduduk Riau Hasil Survei Penduduk Antar Sensus 1995*. Jakarta. Seri Supas, BPS.

⁸² Biro Pusat Statistik Indonesia, 2002. *Penduduk Riau Hasil Sensus Penduduk Tahun 2000*. Pekanbaru. Seri Sensus Lengkap, BPS.

tahap perbandaran di Riau yang paling tinggi ialah di bandar Pekanbaru. Ini diikuti oleh Pulau Batam dan kedudukan ketiga ialah Kepulauan Riau, khasnya Pulau Bintan iaitu Bandar Tanjungpinang. Pada tahun 1990 terjadi peningkatan yang tinggi terutamanya di bandar-bandar yang sedang berkembang termasuklah Pulau Batam, Tanjungpinang, Tanjung Uban (di Pulau Bintan), Tanjungbalai Karimun dan Tanjung Batu (Pulau Kundur) Dumai dan Duri (di sekitar kawasan Kilang P.T Caltex Pacific Indonesia atau PT. CPI).

Fenomena pembandaran di Riau menunjukkan bahawa polisi pembangunan diperingkat nasional dan tempatan memaparkan perubahan demografis di mana terdapat peningkatan kadar pertambahan penduduk yang tinggi pada semua bandar-bandar di Indonesia.

Sebelum ini perbincangan tentang kenaikan kadar penduduk bandar yang berterusan merangkumi pelbagai makna khasnya kepada *trend* dan tahap pembandaran di Riau. Dalam hal ini ia akan mempengaruhi struktur beserta taburan penduduk mengikut umur, jantina, dan guna tenaga. Banci tahun 2000 telah menunjukkan bahawa bilangan penduduk bandar-bandar di Riau telah meningkat dengan cepat. Faktor utama adalah kerana perubahan ini dipengaruhi oleh perubahan sistem yang diatur oleh Kerajaan Pusat Indonesia (sistem *pemusatan*) kepada sistem *desentralisasi* atau *Otonomi*. Ini juga bermakna bahawa kerajaan Negeri (Provinsi) dan Pihak Berkuasa Tempatan diberi peluang untuk mengatur dan membangun daerahnya sendiri tanpa ikut campur kerajaan pusat.

Maknanya, pembandaran di kawasan Riau tidaklah diikuti dengan perkembangan infrastruktur dan kemudahan sosial, sehingga ianya boleh mengimbangi keperluan masyarakat bandar. Peluang pekerjaan bagi penduduk yang meningkat di bandar-bandar

adalah sesuatu yang penting dan boleh menimbulkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kes-kes penjenayahan. Todaro⁸³ pernah menyebutkan bahawa adanya *dasar pembandaran yang dikuasai oleh kerajaan pusat*. Walaupun konsep *urban bias* ini banyak mendapat cabaran, namun menurut Nasikun⁸⁴ untuk kes Indonesia ia sangat berkait dengan kualiti kehidupan penduduk kawasan bandar yang menyerap guna tenaga dalam sektor tidak formal berbanding dengan bilangan guna tenaga yang tidak bekerja di bidang pertanian. Jelas sekali *urban bias* yang dimaksudkan diatas juga telah menimbulkan fenomena sosial yang dipanggil dengan kemiskinan di kawasan bandar seperti yang dibentangkan oleh Dorodjatun Kuntjoro Djakti⁸⁵, ataupun oleh Chris Manning⁸⁶ yang dipanggil dipanggil *Over Urbanization* dan selaras dengan konsep pembandaran palsu (*Pseudo Urbanization*) seperti yang telah dikemukakan oleh McGee⁸⁷.

2.3. Perspektif Ekonomi

Mc. Gee⁸⁸ menyatakan bahawa dalam kaitan pertambahan bilangan penduduk bandar, ramai penduduk yang hidup kepada keadaan *sub-marginal*, dengan keadaan fizikal rumah yang sesak dan tidak selesa. Analisis Mc. Gee banyak berasaskan kepada

⁸³ M.P. Todaro dan J. Stilkind, 1981. *City and Rural Neglect: the Dilemma of Urban Development*. New York: A Public Issues Paper of The Population Council. P.1

⁸⁴ Nasikun, 1980. Loc-cit, p.11

⁸⁵ Dorodjatun Koentjoro-djakti dan Solaiman Soemardi (eds), 1981. *Kemiskinan di Perkotaan*, Jakarta, LP3ES

⁸⁶ Chris Manning & Tadjuddin Noer Effendi (eds), 1985. *Urbanisasi, Pengangguran dan Sektor Informal di Kota*, Jakarta, Yayasan Obor, pp.ix-xv

⁸⁷ Mc.Gee dalam edisi Chris Manning dan Tadjuddin Noer Effendi (eds) Loc-cit

⁸⁸ Mc.Gee, ibid, p.34

teori Geertz⁸⁹ tentang ciri dan struktur ekonomi bandar. Pendapat Mc. Gee adalah didasarkan atas aspek *superiority* bandar dalam menyediakan peluang pekerjaan serta pendapatan bagi penghijrah yang berasal dari kampung, kerana adanya ciri ekonomi *dualistic* bandar. Ini adalah berdasarkan kes Modjokuto yang ditulis Geertz dan dipakai oleh Mc. Gee untuk menganalisis struktur ekonomi bandar di negara-negara Dunia Ketiga khususnya di Indonesia.

Dalam hujjah McGee terdapat perbezaan ketara dalam aktiviti ekonomi bandar di atas ialah *jenis moden dan jenis bazaar (tradisional)*. Bagi Geertz dua bahagian ini saling berkait rapat. Sektor ekonomi pasar ialah jenis moden merupakan suatu kegiatan perekonomian yang terpusat dengan kawalan ketat iaitu aktiviti perniagaan dan industri berfungsi melalui beberapa lembaga-lembaga sosial yang mengurus berbagai bidang pengkhususan pekerjaan, terutama dalam aspek-aspek pengagihan (*distributif*) atau produktif barangan tertentu. Sedangkan aktiviti kedua ialah sektor ekonomi bazaar (tradisional) iaitu aktiviti perniagaan yang keseluruhannya terpecah-pecah dan tidak tersusun dengan transaksi antara perorangan yang jumlahnya sangat besar dan tidak berkaitan satu sama lain. Jenis ini berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi di kalangan kelompok-kelompok yang berhubungan antara satu sama lain terutama melalui aktiviti tukar menukar sementara dalam bilangan yang sangat besar.

Kedua-dua bentuk ekonomi bandar di atas memperlihatkan perbezaan utama dari segi peluang pekerjaan yang boleh disediakan. Pada jenis ekonomi moden (sektor intensif modal) memaparkan keluaran tinggi, tetapi kemungkinan terdapat hubungan dari segi peluang pekerjaan yang terhad, kerana setiap pembaharuan dalam sektor ini

⁸⁹ Geertz, Clifford, 1977. *Penjaja dan Raja, Perubahan sosial dan Modernisasi Ekonomi di Dua Kota Indonesia*. Diterjemahkan oleh S. Supomo, Edisi pertama. Jakarta: Gramedia, p.28

lazimnya memberi kesan kepada keperluan buruh. Sebaliknya pada jenis ekonomi bazaar, peluang pekerjaan lebih sedia. Jenis perekonomian bazaar juga boleh menjadikan bandar berkemampuan untuk menyerap setiap penghijrah terutama di sektor ekonomi tidak formal.

Suatu hal yang perlu digaris bawahkan ialah penggunaan konsep Geertz yang di gunakan Mc. Gee menyatakan bahawa sistem pasar tradisional (*bazaar*) merupakan satu lembaga perekonomian dan gaya hidup (*life style*). Lebih jauh lagi ia merupakan suatu cara di mana aktiviti perniagaan yang boleh dimasuki dalam semua lapisan dan segenap segi kehidupan masyarakat. Selain daripada kehidupan sosiokultural yang hampir lengkap, sistem bazaar juga mempunyai peranan dalam kehidupan sosial serta kultural penduduknya. Pasar mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat yang memberi asas organisasi sosial dan struktural yang utama secara keseluruhan. Ini termasuklah satu *segregasi* khas dalam aktiviti ekonomi yang sangat jelas daripada pelbagai ikatan sosial non-ekonomi yang ada. Dengan demikian tidak menghairankan bila sistem ini berterusan selari dengan peradaban yang masih ada dalam satu masyarakat secara luas. Dalam konteks ini penampungan guna tenaga yang terus meningkat boleh berlangsung dan akan tetap berlangsung. Keadaan seperti ini wujud di bandar Tanjungpinang dan bandar lain di Pulau Bintan.

Jika Kadar pertumbuhan penduduk bandar pada akhir tahun 1980, dan dibandingkan dengan tahun 1961, terdapat peningkatan angka 2.3 kali ganda bilangan penduduk antara tahun 1961-1980⁹⁰. Seterusnya proses pembandaran yang pesat dalam

⁹⁰ Sri Pamudjo Rahardjo, 1986, *Pola Urbanisasi dan Implikasi Kebijakan Perkotaan di Indonesia*, dalam Kartomo Wirosuhardjo, dkk, *Kebijakan Kependudukan dan Ketenagakerjaan di Indonesia*, Jakarta. Lembaga Penerbit FE.UI, p. 235

dekad 1970-1980 menunjukkan bahawa antara tahun 1960-1970 merupakan pembaikan sistem ekonomi Indonesia sehingga impak pembandaran dapat dirasakan pada tahun 1970-1980. Oleh kerana berlakunya jurang (*kesenjangan*) impak pembangunan antara kawasan bandar dan di luar bandar dan perbezaan ini adalah disebabkan oleh proses pembandaran itu sendiri. Kesan tersebut boleh disebutkan bahawa itu disebabkan oleh polisi pembangunan yang bersifat *urban bias*.

Sehubungan dengan uraian di atas, Evers⁹¹ telah menjelaskan bahawa urbanisasi lebih memfokus kepada dua aspek pembandaran iaitu merujuk kepada keadaan peratus penduduk yang tinggal di kawasan bandar dan merujuk kepada suatu proses iaitu peningkatan bilangan penduduk bandar. Raharjo⁹² menyatakan bahawa pembandaran ialah suatu proses perubahan peratus penduduk yang bermastautin di kawasan bandar. Batasan yang telah diberikan oleh Evers dan Rahardjo mewujudkan secara jelas bahawa didapati pertumbuhan penduduk kawasan bandar. Dengan begitu apa yang dialami dan ditimbulkan oleh pembandaran menimbulkan persoalan besar, bukan sahaja terhadap kepada penyediaan keperluan asas, tetapi kewujudan kemiskinan di bandar dan pengangguran. Hauser⁹³ menghuraikan bahawa perubahan peratus penduduk bandar sebagai akibat adanya proses pembandaran.

Pakar yang telah menyelidiki penghijrahan ke bandar di Dunia Ketiga, khususnya di kawasan Asia Tenggara, seperti Todaro⁹⁴ telah menyatakan bahawa penghijrahan yang berlaku di bandar bertujuan untuk memperolehi pengeluaran yang lebih baik. Asas pemikiran Todaro iaitu adanya kelemahan utama dalam sistem ekonomi yang sangat

⁹¹ Evers Hans Dieter, 1982. Loc-cit, p. 49

⁹² Sri Pamoedjo Rahardjo, 1996. Op-cit, p.233

⁹³ Hauser, 1985. Loc-cit, p.22

⁹⁴ M.P. Todaro, 1985, *Dilema Urbanisasi*, dalam Chris Manning dan Tadjudin Noer Effendi (penyunting), *Urbanisasi, Pengangguran dan sektor Informal di Kota*, Jakarta, Gramedia, p.7

mementingkan serta terlalu menekankan kepada kemajuan sektor moden (*industry*) di bandar. Schoorl⁹⁵ pula menyebutnya: pembandaran sebagai suatu proses yang membawa semakin ramainya penduduk suatu negara untuk tinggal di pusat-pusat bandar. Golscheider⁹⁶ pula berhujah bahawa perubahan penduduk bandar berkait rapat dengan faktor penghijrahan.

Pelbagai pendapat di atas merujuk kepada terjadinya perubahan dari segi bilangan penduduk di bandar, iaitu dengan adanya penghijrahan sebagai akibat perbezaan polisi dalam sistem ekonomi yang *urban bias*. Perkara lain ialah adanya pengharapan daripada memperoleh pendapatan yang lebih baik di bandar seperti yang dikemukakan oleh Todaro (*expected income*). Perkara ini pulalah menjadikan bandar sebagai tarikan yang sangat kuat untuk penduduk desa berhijrah. Faktor penarik ini selari pula dengan adanya faktor tolakan (*push*) daripada luar bandar (desa). Proses penghijrahan bagi Bogue⁹⁷ *melihat faktor-faktor tolakan dan tarikan yang saling bantu membantu*.

Gilbert dan Gugler⁹⁸ pula menuliskan bahawa pembandaran disebabkan wujudnya konsentrasi pembangunan melalui pelaburan dalam satu ataupun dua bandar raya. Hal ini bermakna wujudnya *jurang wilayah* kerana pelbagai sumber terus mengalir ke kawasan bandar tersebut dan kawasan lain yang lebih produktif menjadi tidak produktif. Secara beransur-angsur struktur spasial akan terarah kepada bentuk dualistik yang terdiri daripada *pusat* yang pembangunannya cepat dan intensif, manakala

⁹⁵ Scoorl, JW, 1982, *Modernisasi, Pengantar Sosiologi Pembangunan Negara Sedang Berkembang*, di Indonesiakan oleh RG. Soekadijo, Jakarta: Gramedia, p.263

⁹⁶ Golscheider, Calvin, 1985, *Populasi, Modernisasi dan Struktur Sosial*. Jakarta. Rajawali Press, p.297

⁹⁷ Bogue, DJ, 1973, *Principle of Demography*, New York: John Wiley and Sons, Inc, p.753

⁹⁸ Gilbert Alan & Gugler Josef, 1996. *Urbanisasi dan Kemiskinan di Dunia Ketiga. Pengantar*. Dr. Nasikun. Yogyakarta, PT. Tiara Wacana Yogya, pp. 5-7

pinggiran tertinggal dengan ekonomi yang sama sekali tidak terbabat dengan pusat, bersifat stagnan dan menurun.

2.4. Perspektif Teori Penghijrahan

Migrasi bermula dari perkataan *migration*⁹⁹ yang bermakna hijrah. Makna yang lebih jauh ialah bahawa hijrah mengandungi erti hijrah dalam pekerjaan, rumah, pergi sekolah dan sebagainya sama ada dalam satu bandar, kawasan ataupun ke lain tempat tempat yang lebih jauh. Di samping hijrah itu sendiri bermakna *keluar* dan *masuk* kedalam suatu struktur komuniti tertentu juga bermakna melintasi jarak-jarak tertentu pula. Oleh itu, penghijrahan boleh dibezakan iaitu penghijrahan dalam suatu negara (*Internal Migration* atau migrasi dalaman) dan penghijrahan antara bangsa (*International Migration*).

Bogue¹⁰⁰ menegaskan bahawa;

"...residential mobility is defined as any change of usual residence that involves movement from one structure (house, apartement, hotel, barracks, dormitory, ect.) to another"

Oleh kerana itu Bogue menyatakan bahawa dalam konteks pengijrahan yang diselidiki merangkumi beberapa perkara iaitu:

"Pergerakan lokal dan migrasi: pergerakan lokal menunjuk kepada perubahan tempat tinggal dalam komuniti yang sama dan migrasi merujuk kepada perubahan tempat tinggal yang melibatkan pergerakan antara komuniti".

⁹⁹ Bogue, DJ, 1973, Loc-cit, p. 752

¹⁰⁰ Bogue, DJ, 1973. Ibid, Pp 752-754

Konsep penghijrahan maknanya melintasi sempadan tertentu, boleh sempadan negara (politik), sempadan negeri dan sempadan wilayah.

Pertubuhan bangsa-bangsa bersatu juga menghuraikan tentang konsep penghijrahan dalaman dan menegaskan bahawa “... *melintasi sempadan tertentu dan dalam jangka masa tertentu pula untuk boleh dikatakan melakukan penghijrahan*”¹⁰¹. Seterusnya dikatakan bahawa dalam proses ini meliputi perubahan petempatan dalam masa yang tertentu. Masa lamanya tinggal disuatu daerah disebutkan antara 1; 5 tahun ataupun sehingga 10 tahun.

Zelinsky¹⁰² mendefinisikan “....*bahawa migrasi adalah keadaan tempat tinggal yang berubah secara tetap*”. Terdapatnya sifat-sifat pengekaln dan masa sementara tempat tinggal dalam melampaui sempadan suatu komuniti ataupun sempadan politik yang meliputi dalam jangka masa tertentu pula.

Konsep yang berkenaan dengan *sempadan* dan *ruang* telah diguna pakai dalam merekodkan data yang bersifat makro. Di Indonesia *Biro Pusat Statistik Indonesia* (setakat ini telah terjadi perubahan nama iaitu *Badan Pusat Statistik Indonesia*) telah meluluskan sempadan wilayah Provinsi dalam Banci (sensus) Penduduk tahun 1971 dan 1980. Pada tahun 1985 (*untuk Survei Penduduk Antar Sensus atau SUPAS atau Intercensal Census*) sempadan tersebut dipakai sempadan *Daerah Tingkat II (District)*. Ini disebabkan sempadan Provinsi (negeri) sangat luas, sehingga data tentang penghijrahan tidak boleh direkod secara menyeluruh seperti yang dituliskan oleh

¹⁰¹ United Nation, 1975, dalam edisi Bogue, Ibid

¹⁰² Zelinsky, Wilbur. 1975. *Hypothesis of The Mobility Transition*. Dalam *Geographical Review*, April 1971, The American Geographical Society of New York, Reproduction by Faculty of Geography Gadjah Mada University, Yogyakarta, p. 225

Hugo¹⁰³, Steel¹⁰⁴ dan Mantra¹⁰⁵. Berpegang kepada konsep tersebut aspek sempadan boleh dipakai sempadan *administrative* (sempadan kerajaan negeri) seperti sempadan *Kecamatan, Kelurahan* ataupun *desa*.

Berkenaan dengan jangka masa pula, Biro Pusat Statistik Indonesia menggunakan kriteria terhadap lamanya seseorang bermastautin di satu daerah bilamana masa temu bual dilangsungkan. Konsep dimaksud diguna pakai kepada hasil Banci Penduduk tahun 1971¹⁰⁶ dan tahun 1980 serta *Survai Penduduk Antar Sensus* (SUPAS) tahun 1985. Pencacahan dengan menggunakan perpaduan antara pendekatan *de jure* dan *de facto*. Maknanya ialah penduduk yang mempunyai tempat tinggal tetap ditemui ditempat mereka selalu tinggal. Demikian pula halnya dengan mereka yang sedang melancong ataupun berhijrah kepada suatu tempat tetapi memakan masa kurang dari enam bulan. Ahli isi rumah yang telah berhijrah enam bulan atau lebih, dan ahli isi rumah yang berhijrah memakan masa kurang dari enam bulan tetapi dengan tujuan pindah atau akan meninggalkan rumah enam bulan atau lebih tidak dianggap sebagai ahli isi rumah¹⁰⁷.

Makna yang diberikan kepada jangka masa enam bulan yang dipakai oleh Biro Pusat Statistik diatas ialah merupakan upaya untuk menentukan apakah penghijrahan

¹⁰³ Hugo, Graem, J. 1981. *Levels, Trends and Pattern of Urbanization*. In *ESCAP, Migrations, Urbanization and Development in Indonesia*. Comparative Study in Migration, Report III, New York United Nations.

¹⁰⁴ Steel, R. 1983. *Migrasi, dalam Pedoman Analisa Data Sensus Indonesia 1971-1980*. Redaksi Peter F. McDonald. Yogyakarta, Gadjah Mada University Press. (8): 265-312

¹⁰⁵ Ida Bagoes Mantra, 1987. *Population Mobility and Link between Migrants and Family Back Home: A Case Study of Villages in Yogyakarta Special Region., Indonesia*. Tokyo: Nihon University Population Research Institute.

¹⁰⁶ Berkenaan dengan penjelasan ini boleh dilihat kepada setiap penerbitan Biro Pusat Statistik perihal maklumat dan definisi yang diguna pakai ketika banci dilakukan. Maklumat serta definisi ini boleh dibaca kepada penerbitan tahun-tahun 1971, 1980, 1985 dan 1990.

¹⁰⁷ Anonymous, 1987. *Penduduk Riau, Hasil Survai Penduduk Antar Sensus 1985*. Seri SUPAS No. 9. Jakarta, Biro Pusat Statistik.

yang berlangsung selamanya ataupun untuk seketika sahaja pada masa temu bual sedang dilangsungkan. Selain itu pula orang-orang yang mempunyai tempat tinggal lebih dari satu notes yang dibuat ialah dimana ia lebih banyak menghabiskan masanya.

2.5. Kajian Literatur Mengenai Penghijrahan di Indonesia

Penyelidikan berkenaan dengan penghijrahan di Indonesia terfokus kepada penghijrahan ke bandar (juga dikatakan dengan *urbanisasi*). Seperti yang diuraikan oleh Hugo¹⁰⁸ didapati tiga isu dalam pengkajian ini iaitu yang berkenaan dengan *transmigrasi*, *mobiliti* yang berasaskan karakteristik dari sesuatu kaum seperti Minangkabau, Aceh, Batak, Bugis Makassar dan penghijrahan ke Bandar. Hugo berpendapat bahawa di daerah penyelidikan yang dilakukannya didapati kata-kata *pindah*. Dengan merujuk kepada kajian Bruner¹⁰⁹, *pindah* inilah yang dikatakan dengan *penghijrahan tetap (permanent)*. Maksud di sini ialah penghijrahan keluar dari sempadan *Domain Culture*.

Mantra¹¹⁰ konsep *dukuh (hamlet)* diguna pakai untuk menyatakan bahawa seseorang itu keluar atau melampaui sempadan sesuatu kawasan tertentu ketika ianya melakukan mobiliti. Jangka masa yang dibuat untuk kriteria ini ialah kurang lebih enam jam meninggalkan *dukuh* yang bersangkutan. Konsep ini jelas menunjukkan kepada sifat

¹⁰⁸ Graem, J. Hugo, 1978. *Population Mobility in West Java*. Yogyakarta, Gadjah Mada University Press, p.8

¹⁰⁹ Bruner, Edward, M. 1959. *Kinship Organization among the Urban Batak of Sumatera*. New York, Academy of Sciences, serial II: 22 (2): 118-125

¹¹⁰ Ida Bagus Mantra, 1978. *Population Movement in Wet Rice Communities: A Case Study of Two Dukuhs in Yogyakarta Special Region*. Yogyakarta, Gadjah Mada University Press, p.6

mobiliti penduduk yang sementara sahaja dari penyelidikan penghijrahan yang dilakukan tetapi semakin menjelaskan makna daripada *space and time concept*.

Mengikuti dari beberapa maklumat diatas, merujuk kepada *konsep jangka masa* yang diguna pakai oleh Biro Pusat Statistik dan Mantra¹¹¹ tentang *space (ruang) and time (jangka masa)*, maka didalam penyelidikan ini, penghijrahan didefinisikan atau dimaknakan sebagai *mobiliti penduduk yang meninggalkan kawasan asal dan telah tinggal menetap di daerah tujuan dengan memakan masa selama enam bulan atau lebih daripada itu*.

Secara teoritikal penghijrahan disebabkan oleh adanya faktor tolakan atau *pendorong* dan faktor tarikan atau *penarik (push and pull factors)* di daerah asal dan daerah tujuan seperti yang diungkapkan oleh Bogue¹¹². Demikian pula halnya penyelidikan yang dilakukan oleh Suharso¹¹³ dan Amin¹¹⁴. Lee telah mengemukakan suatu model penghijrahan. Model ini melihat kekuatan tolakan dan tarikan yang dibatasi oleh faktor penghalang (*penghambat* iaitu mengantarai faktor tolakan dengan tarikan) dan faktor peribadi. Jika model yang diguna pakai oleh Lee ini dilihat lebih lanjut, faktor penghalang adalah merupakan satu proses selektif yang berkait rapat dengan faktor peribadi dalam mana seseorang melakukan penghijrahan. Dalam hal ini faktor-faktor positif dan negatif di daerah asal dan daerah tujuan ialah menjadikan kekuatan tolakan dan tarikan.

¹¹¹ Ida Bagoes Mantra. 1978. Ibid

¹¹² Bogue, 1977. Loc-cit

¹¹³ Suharso, et.al, 1976. *Rural-Urban Migration in Indonesia*. National Institute of Economic and Social Research, Jakarta, Leknas LIPI

¹¹⁴ Amien, M, 1983. *Mobilitas Penduduk di daerah Tingkat II Kabupaten Semarang dan pengaruhnya terhadap Peningkatan Pendapatan. Disertasi Doktor, (unpublished)*. Yogyakarta, Universitas Gadjah Mada.

Berkenaan dengan faktor tolakan dan tarikansama ada di daerah tujuan dikaitkan pula dengan motif seseorang untuk melakukan penghijrahan. Selari dengan itu motif dimaksudkan sebagai sesuatu yang kekal dalam diri seseorang serta bersifat berkemampuan sehingga ianya berfungsi menggerakkan perilaku untuk tujuan tertentu. Perilaku ini dibentuk oleh pengalaman dan secara relatif boleh bertahan meskipun mengandungi kemungkinan untuk berubah¹¹⁵.

Fawcett¹¹⁶ pula menjelaskan bahawa Model Nilai Harapan (*Value Expectancy Model*) yang berasaskan kepada asumsi bahawa adanya *Subyective Expected Utility Model*, ertinya seseorang akan memilih alternatif yang boleh diharapkan dan ianya boleh memberi manfaat *Subjektif* yang paling besar. Konsep dari Nilai Harapan tersebut mengandungi tujuh nilai atau kategori terhadap yang diinginkan. Dua daripada tujuh konsep yang dikemukakan itu ialah adanya keinginan untuk memperolehi *status* dan *kemandirian*.

Status dikaitkan dengan aneka faktor yang berkait dengan keadaan *prestige social*. Ini tergambar dari jenis pekerjaan, pendidikan, pemilikan atas sesuatu atau sejumlah barangan tertentu. Hubungan lebih jauh adalah kepada kadar pendapatan. Kerananya penghijrahan dipandang sebagai suatu bentuk *mobility social* yang mengandungi makna *nilai ekonomi*.

¹¹⁵ Sri Mulyani Martaniah, 1982. *Motif Sosial Remaja SMA Jawa dan Keturunan Cina: Suatu Studi Perbandingan. Disertasi Doktor* (unpublished), Yogyakarta, Universitas Gadjah Mada.

¹¹⁶ Fawcett, James T, 1981. *A Value Expectancy to Migration Decision*. Dalam De Jong dan Robert W. Gardner (ed). *Migration Decision Making Multidisciplinary Approach to Micro Level Studies in Developed and Developing Countries*, USA, Pergamon Press

Selari dengan status di atas adalah kemandirian ataupun keinginan akan kebebasan merujuk kepada keadaan diri peribadi. Seterusnya boleh dikatakan bahawa makna daripada *mandiri* boleh berupa lapang atau longgarnya ikatan keluarga, rumah tangga dan ikatan-ikatan tradisional di daerah asal serta keinginan untuk memanfaatkan hasil-hasil daripada pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan itu.

Hal di atas bila dikaitkan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Todaro¹¹⁷ dengan teori pendapatan yang diharapkan (*expected income*), didapati bahawa faktor ekonomi diambil kira sebagai kekuatan penyokong utama dalam proses penghijrahan. Selari dengan itu pula dihuraikan bahawa dalam proses pengambilan keputusan, faktor-faktor sosial, pendidikan, karakteristik demografi juga mempengaruhinya. Ini nampak dalam proses selektiviti penghijrah itu sendiri. Penegasan lebih lanjut dibentangkan oleh Todaro bahawa adanya perbezaan kadar upah antara daerah luar bandar dengan kawasan bandar, membuat seseorang berpengharapan (*expected*) untuk memperolehi kadar pendapatan yang lebih baik daripada daerah asal. Pengharapan tersebut dikaji melalui perkiraan tersendiri dan pada akhirnya seseorang memutuskan untuk melakukan penghijrahan.

Apa yang diungkapkan oleh Todaro sebenarnya merupakan suatu respons dari model penghijrahan yang diulas oleh Lee. Faktor-faktor positif dan negatif sebagai *kekuatan tolakan* dan *kekuatan penarik* baik daripada kawasan tempat asal maupun kawasan yang dituju terhad, oleh kerana adanya faktor penghalang (*antara*) dan faktor peribadi. Huraian secara kualitatif berkenaan model ini oleh Todaro dijelaskan melalui model kuantitatif yang berkait rapat mengapa seseorang itu berhijrah.

Suharso¹¹⁸ dalam penyelidikan penghijrahan ke bandar menyimpulkan bahawa keinginan khas penghijrah adalah mencari peluang (lowongan) pekerjaan dan untuk meningkatkan taraf pendidikan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa umumnya penghijrah adalah lelaki, bujang, mempunyai taraf pendidikan rendah, dan belia (berumur antara 15 sehingga 24 tahun). Pada amnya para penghijrah belum bekerja dan berasal dari keluarga yang tidak mempunyai tanah perkebunan (sawah).

Penyelidikan yang telah dibuat diatas, boleh disimpulkan bahawa faktor ekonomi merupakan motif penting bagi seseorang untuk melakukan penghijrahan. Motif dalam hal ini mempengaruhi kepada tolakan untuk berhijrah. Bila ini ditelaah berterusan maka kajian yang berasas kepada *kekuatan tolakan* berkait rapat dengan kajian perilaku mobiliti penduduk. Pryor¹¹⁹ menegaskan bahawa amat payah untuk menarik kesimpulan yang tegas dalam mempelajari perilaku mobiliti penduduk dari aspek motivasi. Oleh itu Pryor berpendapat bahawa untuk melihat perilaku migrasi, elemen yang dianggap relevan adalah sosio-kultural dan kaum yang menimbulkan perbezaan karakteristik penghijrahan.

Hugo¹²⁰ menemukan hal-hal yang sama seperti yang diuraikan oleh Pryor, bahawa migran selalu ditampung dan berkumpul secara group di kawasan destinasi sebelum memperolehi pekerjaan. Penampungan sementara sebelum terbabit langsung bekerja di destinasi merupakan cerminan daripada hubungan sosio-kultural masyarakat. Peranan jalinan sistem *kekeluargaan* dan *kekerabatan* memberikan erti yang penting

¹¹⁷ Todaro, MP, 1976. Loc-cit, p.26

¹¹⁸ Suharso, 1976. Loc-cit

¹¹⁹ Pryor, Robin, J, 1975 (ed). *The Motivation of Migration: Proceeding of Seminar Internal Migration in Asia and The Pacific*. Canberra, Departement of Geography, Research School of Social Sciences, Australian National University.

¹²⁰ Hugo, 1977. Loc-cit

dalam memulakan kehidupan baru di tempat tujuan. Tentang hal ini juga wujud dalam ulasan Muchtar Naim¹²¹ dan hasil kajian Molo¹²² iaitu adanya kecenderungan group penghijrah dalam suatu jenis pekerjaan tertentu. Selain itu pula mengikut kepada Jellinek¹²³ juga terungkap aktiviti serta bagaimana penghijrah melakukan ubahsuaian dengan kehidupan bandar, peranan sistem penghubung, kekerabatan dalam memberi maklumat.

Sebenarnya fenomena wujudnya group penghijrah mengikuti kaum pada suatu jenis pekerjaan tertentu pada amnya merupakan refleksi daripada adanya jaringan komunikasi antara penghijrah terdahulu dan orang-orang yang ingin melakukan penghijrahan. Penghijrah yang berjaya berusaha melakukan dan memberikan maklumat ke daerah asal termasuk pula memberi peluang kepada calon penghijrah bila-bila masa meninggalkan kampung halaman mereka. Peluang untuk memberi kemudahan setiap pengikut nantinya merupakan suatu keistimewaan dalam proses penyesuaian selanjutnya. Sebab kepada mereka yang baru tiba, membantu aktiviti di daerah tujuan merupakan bentuk awal daripada suatu pengaruh khas sehingga aktiviti yang akan dilakukannya cenderung sama. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa didapati berkelompoknya sama ada dalam jenis aktiviti tertentu maupun mengikuti kaum dan karakteristik kebudayaan daripada migran.

¹²¹ Muchtar Naim, 1979. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minang Kabau*. Yogyakarta, Gadjah Mada University Press.

¹²² Marcelinus, Molo, 1986, *Migran Sirkuler dan Struktur Pendapatan di Enam Kota di Indonesia*, Thesis S2, Fakultas Pasca Sarjana, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta (un-published).

¹²³ Jellinek, L. 1978. *Circular Migration and The Pondok Dwelling system: A Case Study of Ice Cream Traders in Jakarta*. Dalam P.J. Rimmer et.al (ed), *Food Shelter and Transport in South East Asia and Pacific*, Canberra, Australian National University.

Penyelidikan yang menganalisis pola penghijrahan yang mengikuti jurang (ketimpangan) antar kawasan di Indonesia dilakukan oleh Titus¹²⁴. Titus mengungkapkan bahawa jurang (ketimpangan) wilayah yang ada diantara Provinsi-provinsi di Indonesia, boleh mewujudkan sifat-sifat daripada pola penghijrahan. Disini nampak sifat-sifat mobiliti daripada beberapa kaum (etnik) yang memiliki latar belakang yang sama seperti Minangkabau, Bugis Makassar dan seumpama.

Penyelidikan dan pengkajian penghijrahan dalam *Life Time Migration* memberi fokus kepada penyelidikan pembandaran. Pada sudut pandang ini persoalan dan isu yang wujud ditujukan kepada penghijrahan ke bandar sebagai salah satu aspek bahasannya. Barclay¹²⁵ menyatakan bahawa “... *lowongan (peluang) pekerjaan di bandar selalu ada jika dibandingkan dengan kawasan diluar bandar (pedesaan)*”. Maknanya bandar selalu menjadi tumpuan dengan adanya tolakan serta payahnya ekonomi yang dialami di desa, dan ini akan menjadikan kekuatan tolakan penduduk untuk melakukan mobiliti. Hauser¹²⁶ yang mengutip ulasan daripada United Nation¹²⁷ bahawa “...*arus penduduk daripada pedesaan ke bandar-bandar di Negara berkembang berkait rapat dengan kadar dan derasny pengembangan ekonomi di Negara itu*”. Hal ini berkenaan dengan penggunaan teknologi alaf Kedua Puluh yang melahirkan industri padat modal, bukan padat karya. Di bidang pertanian polisi ini cenderung mendorong guna tenaga pekebunan (kuli perkebunan) ke bandar dan di bidang industri mengakibatkan terhadapnya keupayaan bandar untuk menampung guna tenaga. Oleh itu,

¹²⁴ Milan J. Titus, 1982. *Migrasi Antardaerah di Indonesia*. Yogyakarta. Pusat Penelitian dan Studi Kependudukan Universitas Gadjah Mada.

¹²⁵ Barcalay, George.W, 1984. *Teknik Analisa Kependudukan*. Diterjemahkan oleh Rozy Munir dan Budiarto, Jakarta, PT. Bina Aksara

¹²⁶ Hauser, P.M, 1985. Loc.cit

lalu penduduk dari desa ke bandar tetap berjalan terus dan semakin cepat, sementara peluang pekerjaan di bandar tetap terhad.

Di negara-negara berkembang seperti Indonesia ada tiga sektor ekonomi yang tampak, Hauser¹²⁸ mengatakan selari dengan semakin cepatnya dan menaikinya kadar pembandaran. Ketiga sektor tersebut adalah pertama: *sektor tradisional* yang mencakup *aktiviti ekonomi pra industri*; Kedua: *sektor moden* yang merangkumi majoriti bentuk-bentuk organisasi ekonomi dan fungsi ekonomi Abad Kedua puluh; ketiga: sektor peralihan atau sektor ekonomi tidak formal yang menjadi penghubung antara keduanya. Berkenaan dengan sektor peralihan atau sektor ekonomi tidak formal didukung oleh Cummings¹²⁹ yang mengkaji pembandaran dari penyesuaian penghijrah kepada tiga bandar di rantau Asia Tenggara iaitu Bandung, Kuala Lumpur dan Manila.

Sektor tidak formal atau disebut juga dengan *sistem ekonomi bazaar* untuk kawasan bandar oleh Geertz¹³⁰, Nasikun¹³¹, McGee¹³², Hauser¹³³, Cummings¹³⁴, merujuk kepada aktiviti ekonomi yang tidak memenuhi persyaratan sektor formal iaitu jangka masa bekerja yang tidak tetap, unit aktiviti dengan saiz kecil, bilangan guna tenaga majoritinya dari keluarga atau kenalan lainnya, tidak memiliki persyaratan khas dan tidak mengikat¹³⁵.

¹²⁷ United Nations. Loc.cit

¹²⁸ Hauser, 1985. Loc-cit, p.57

¹²⁹ Cummings, 1985. Loc-cit

¹³⁰ Geertz, C. 1977. *Penjaja dan Raja, Perubahan sosial dan Modernisasi Ekonomi di Dua Bandar Indonesia*. Diterjemahkan oleh S.Supomo, *Edisi pertama*. Jakarta: Gramedia.

¹³¹ Nasikun, 1980. Loc-cit

¹³² McGee, T. 1985. Loc-cit

¹³³ Hauser, 1985. Loc-cit

¹³⁴ Cummings, 1985. Loc.cit

¹³⁵ Breman Jan 1985. *Sistem Tenaga Dualistik: Suatu Kritik Terhadap Konsep Sektor Informal*. Dalam Chris Manning dan Tadjuddin Noer Effendi (penyunting), *Urbanisasi, Pengangguran, Dan Sektor Informal di Kota*, Jakarta Gramedia, (II) 7 138-183

Cummings¹³⁶ juga mengemukakan bahawa didapati hubungan yang rapat antara sektor tidak formal untuk menarik penghijrah lainnya untuk ikut melakukan penghijrahan. Apa-apa yang dijumpai oleh Cummings di tiga bandar di rantau Asia Tenggara, sebelumnya Nasikun¹³⁷ telah melakukan kajian tentang pembandaran di Indonesia. Bagi sarjana sains sosial seperti Geertz¹³⁸ dan McGee yang terkait dengan dua perkara jenis ekonomi di kawasan perbandaran di Indonesia telah mengatakan bahawa:

“...jaringan kekerabatan (kekeluargaan) dalam konteks system ekonomi bazaar di bandar-bandar Indonesia sebagai akibat daripada urban bias iaitu merupakan suatu faktor yang sangat berkebolehan untuk menarik penghijrah. Wujud seperti ini oleh McGee¹³⁹ disebut sebagai lembaga perekonomian dari cara hidup masyarakat”

Daripada pemikiran di atas jelas bahawa para penghijrah selalu membabitkan diri kepada perubahan dalam sub-sistem masyarakat. Hubungan antara pendatang dan perkembangan ekonomi di kawasan yang dituju memberi erti penting bila proses penghijrahan penduduk dikaji melalui kes-kes yang khas, seperti yang dikatakan oleh Clark¹⁴⁰ bahawa: *tingginya peratus guna tenaga yang berkhidmat kepada aktiviti di sektor perkhidmatan dan sektor tidak formal lainnya mempunyai kekerapan hubungan yang kuat dengan kadar pembandaran dan perkembangan ekonomi.*

¹³⁶ Cummings, 1985. Loc-cit, p.321

¹³⁷ Nasikun, 1980. Loc-cit

¹³⁸ Geertz, 1977. Loc-cit

¹³⁹ McGee, 1985. Loc-cit

¹⁴⁰ Clark, dalam Chris Manning dan Tadjuddin Noer.Effendi (penyunting), 1985. *Urbanisasi, Pengangguran, dan Sektor Informal di Kota*. Jakarta, Gramedia, p.44

Todaro¹⁴¹ menjelaskan bahawa penghijrahan ke bandar yang dibabitkan kepada tingginya bilangan dan pertumbuhan penduduk bandar di negara-negara sedang berkembang menimbulkan persoalan yang berkekalan (dilemma). Hal ini disebabkan oleh polisi pembangunan yang terfokus di kawasan bandar menyebabkan kawasan luar bandar sangat perlahan berkembang. Hal ini berkait rapat dengan kes Pulau Bintan di mana didapati beberapa perkara yang mustahak untuk dilihat. Perkara tersebut utamanya menghalang kepada sifat mobiliti penduduk yang wujud. Ini bermakna bahawa faktor jangka masa, keadaan sosial ekonomi serta kemudahan (aksesibiliti) yang merupakan identiti khas dalam penghijrahan ke Pulau Bintan sangat unggul.

Senarai daripada rujukan yang dihuraikan merangkumi bahawa beberapa perkara penting seperti mencari peluang pekerjaan, ingin menambah atau berusaha untuk mengubah keadaan hidup, kepada golongan penghijrah ke bandar. Dari aspek geografi, Pulau Bintan yang dekat dengan negara Singapura dan Malaysia telah menarik minat kepada orang ramai untuk berhijrah. Selain itu pula, bahawa di Pulau Bintan, khasnya bandar Tanjungpinang terdapat pelbagai industri hiburan (*entertainment*) yang mempekerjakan guna tenaga dari pulau-pulau di Indonesia, terutamanya dari Pulau Jawa yang memudahkan aktiviti tersebut kerana tidak menggunakan persyaratan-persyaratan khas seperti, pendidikan dan teknikal.

Pengaruh lain yang dijangka ikut memberi erti penting kepada berlangsungnya mobiliti penduduk ke Pulau Bintan ialah adanya suatu polisi dari pihak kerajaan Indonesia di kawasan Riau iaitu membebaskan *fiscal* bagi penduduknya jika ingin

¹⁴¹ Todaro, MP, 1981. Loc-cit

bepergian ke Singapura dan Malaysia. Polisi ini bermula ketika Pulau Batam mula di kembangkan sebagai suatu kawasan industri yang ditaja secara khas.

Aspek lainnya ialah polisi daripada penentuan kawasan Pulau Bintan sebagai pusat dan tujuan pelancongan. Ini memberi makna lebih penting kerana sektor perkhidmatan semakin berkembang. Dari pelbagai aktiviti yang wujud diantaranya ialah berkembangnya gerai-gerai terbuka (*dipanggil dengan nama Akaw*) yang majoritinya memakai guna tenaga perempuan. Oleh itu, kedatangan para pelancong khususnya dari negara Singapura selalu memberikan peluang untuk mereka mencari tempat-tempat hiburan seperti karaoke, diskotik, pub,urut (*massage*) dan salon (kedai gunting rambut) dengan kos jauh lebih rendah daripada yang didapati di Singapura.

Menilik dari jangka masa yang dihabiskan maka kejadian tersebut sudah merupakan faktor rintangan (penghalang) sebagaimana yang diungkapkan oleh Lee. Sedangkan yang berkenaan dengan wang yang akan dikeluarkan merupakan perkara lain pula. Makna lain boleh dikatakan bahawa pertimbangan-pertimbangan khas telah dicubakan apakah memperolehi keuntungan ataukah tidak di destinasi.

Proses penghijrahan ke bandar di Indonesia gejalanya telah mulai tampak pada zaman kolonial Belanda. Hanya saja bandar-bandar yang menjadi tumpuan harapan (dalam konteks *push and pull*) belumlah lagi menampakkan kejelasannya. Mengingat pada zaman itu di Pulau Jawa dan Bali sejak awal abad ke-19 didapati maklumat yang menyatakan bahawa bahagian utara daripada Pulau Jawa sawah-sawah telah ditanami lebih dari satu kali dalam satu tahun, kerana produksi pertanian tidak mencukupi keperluan makanan penduduk. Selain daripada persoalan tersebut telah didapati banyak

guna tenaga yang tidak bekerja dalam bidang pertanian¹⁴². Memang bila di semak lebih mendalam terhadap faktor tolakan, perkara kesesakan dan kekurangan hartanah merupakan salah satu penyebab. Seperti yang ditulis oleh Penny dan Singarimbun¹⁴³ bencana akibat kelebihan penduduk terutama di kawasan pedesaan lazimnya berkembang secara perlahan-lahan dan tidak kentara (terlihat), keadaan seperti ini oleh Geertz¹⁴⁴ dipanggil suatu keadaan yang didapati *persoalan kemiskinan bersama*.

Batasan-batasan yang dirangkum di atas telah mencerminkan bahawa pembandaran adalah berubahnya peratus penduduk di kawasan bandar. Perubahan dari peratus tersebut jelas memiliki makna yang khas dan dapat di semak pada senarai berikut di bawah.

Kadar pertumbuhan penduduk bandar, tidak mencerminkan proses pembandaran yang sebenarnya. Kerana pembandaran di kawasan ini tidak didapati pembaharuan baik dalam perbezaan sosial maupun kemajuan. Keadaan ini menurut Evers¹⁴⁵ bahawa pertumbuhan semacam itu mungkin yang didapati adalah pengelompokan iaitu adanya lebih banyak kumpulan yang sama wujud, sedikit sekali perubahan sosial yang ada akan tetapi bukan evolusi dari struktur-struktur baru. Tegasnya ialah berlangsungnya kenaikan bilangan penduduk tetapi ianya tidak memberikan sebarang apa-apa makna daripada perkembangan itu.

Molo¹⁴⁶ menelaah tentang *penghijrahan sirkuler (non permanent)* dan struktur pendapatan di enam bandar di Indonesia. Kesimpulannya ialah, majoriti migran sirkuler

¹⁴² Baker, David, 1994, *Memahami Kemiskinan di Kota*, **Prisma**. Majalah Kajian Ekonomi dan Sosial No. 7 Juli, III: 34-68, Jakarta. LP3ES

¹⁴³ Penny & Singarimbun, 1978. Loc-cit, p. 28

¹⁴⁴ Geertz, 1976. Loc-cit, p. 108

¹⁴⁵ Evers, 1982. Loc-cit. p. 106

¹⁴⁶ Molo, 1986. Loc-cit, p. 128

bekerja di sektor tidak formal yang dilihat dari indikasi: (1) jangka masa menunggu relatif pendek; (2) 42.5 peratus migran berusaha sendiri dan 51.2 peratus berstatus sebagai kuli (buruh); (3) pekerjaan didapati melalui migran lama. Bandiyono¹⁴⁷ menerangkan bahawa masalah pembandaran telah dirasakan di beberapa bandar raya di Jawa. Ini disebabkan oleh adanya *urban bias* dalam pembangunan dan telah meningkatkan tersedianya pencari kerja di bandar, melebihi permintaan dan terjadi peningkatan pengangguran. Di lain pihak guna tenaga yang berasal dari kelas miskin di pedesaan yang kurang selektif dan terhadapnya lowongan pekerjaan di bidang pertanian yang mencari pekerjaan di bandar amnya masuk kepada sektor tradisional.

Dengan semakin berkembangnya sektor tradisional di bandar dalam konteks pembandaran, sebenarnya apa yang dipanggil dengan *Over Urbanization* tersebut telah mendekati kepada kebenaran. Lebih jelas lagi manakala dipakai indikator dari gejala yang membuktikan kearah itu iaitu: (1) Bilangan guna tenaga yang menganggur dan setengah penganggur semakin meningkat, (2) peratus guna tenaga yang bekerja di sektor industri di bandar tidak bertambah dan sebaliknya semakin berkurang, (3) bilangan penduduk dan kadar pertumbuhannya sudah begitu pesat sehingga pemerintah tidak berkemampuan memberikan pelayanan kesihatan, dan pengangkutan yang memadai¹⁴⁸.

2.6. Rumusan

1. Konseptual bandar dan perbandaran memerlukan perbincangan yang lebih khas.

Maknanya ialah adanya perbezaan konsep perihal bandar, bandar raya yang

¹⁴⁷ Suko Bandiyono, 1986. Pekerjaan di Luar Sektor Pertanian dan Migrasi Desa-Kota: suatu Respon Terhadap Tekanan Penduduk dan Pembangunan di Jawa, dalam Kartomo Wirosuhardjo, dkk, Jakarta. *Kebijaksanaan Kependudukan dan Ketenagakerjaan di Indonesia*, Lembaga Penerbit FE.U.I. P. 282

¹⁴⁸ Todaro, MP, 1985. Loc-cit, p. 10

seterusnya bermula dari perbandaran itu sendiri. Kepada kes Indonesia walaupun makna daripada konsep perbandaran merujuk dan mengikut kepada kadar peratus daripada penduduk, perbandaran di kawasan ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain khasnya kepada negara-negara maju, kadarnya masih rendah. Namun perbandaran yang tengah berlangsung kerana berterusan dan penghijrahanpun tetap berterusan telah menempatkan bandar dan bandar raya di Indonesia sebagai pusat perkembangan.

2. Perbandaran di Indonesia khasnya di Pulau Bintan iaitu bandar Tanjungpinang, sebagaimana di negara-negara maju, tidak diikuti oleh pertumbuhan lowongan pekerjaan. Hal ini menyebabkan perbandaran memberikan corak tersendiri iaitu menumbuhkan kesesakan yang tak tentu arah, petempatan penduduk yang tidak terkawal dan semakin kurangnya berbagai kemudahan awam seperti: air bersih, elektrik, sampah yang tidak terkemas serta saluran parit beserta longkang yang tidak di plan dengan cermat.
3. Berkaitan dengan hal di atas, perbandaran berhubung kait dengan polisi pembangunan. Keadaan ini selari dengan polisi yang dipanggil dengan *pro-growth* sehingga apa yang selama ini terjadi di Indonesia dipanggil dengan *urban bias*. Sebab perbandaran setakad berlangsungnya perubahan peratus daripada bilangan penduduk bandar itu sendiri.
4. Kepada semua hal di atas, daripada pelbagai kajian dan penyelidikan menurut kes Indonesia, yang wujud adalah pertumbuhan, tetapi tidak selari dengan perkembangan. Khasnya perkembangan kepada pelbagai kesiapan mewujudkan lowongan pekerjaan, kesiapan elektrik dan air bersih, pengangkutan awam,

petempatan yang selesa, mengemas sampah secara terkawal serta plan bandar yang cermat.